



#Penjarakanfizikal - Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan

tempoh tamat

51
Hari13
Jam24
Minit

ikuti Berita terkini Covid-19

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Tolak persepsi negatif vaksin COVID-19

Oleh [Muhammad Yusri Muzamir](#) - Februari 7, 2021 @ 4:13pm
yusri.muzamir@bh.com.my

[TERKINI](#)[PILIHAN PEMBACA](#)

- 2m [Jaga adab, sopan berkomunikasi ketika PdPR](#)
- 4m [Bursa Malaysia pulih, dibuka lebih tinggi](#)
- 10m [Permohonan Bantuan Prihatin Rakyat percuma](#)
- 10m [Ringgit bermula positif, disokong harga minyak](#)
- 16m [Ibrahimovic lepasi catatan 500 gol](#)
- 18m [Fahami perbezaan urus zakat, sedekah elak cetus polemik](#)
- 27m [Pusat Perubatan Sultan Ahmad Shah kini rawat pesakit COVID-19](#)
- 1h [Rumah dijadikan stor transit barang seludup](#)

KUALA LUMPUR: Masyarakat dinasihat supaya mengubah sikap dan mentaliti bagi menangkis persepsi negatif terhadap penerimaan vaksin COVID-19.

Ia bagi mengelak daripada wujudnya situasi yang mampu merencatkan usaha berterusan pelbagai pihak dalam membendung pandemik itu.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang, berkata masyarakat antara lain perlu memahami konsep 'kita jaga kita' secara menyeluruh bagi memastikan diri dan keluarga terhindar daripada jangkitan virus berkenaan.

Beliau berkata, bukti klinikal mengesahkan vaksin COVID-19 tidak memberi kesan sampingan yang buruk kepada penerima dengan ia sudah diuji kira-kira dua bulan ke atas jutaan rakyat di seluruh dunia.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- [COVID-19: 'Kesan pandemik diramal surut menjelang akhir tahun'](#)
- ['Imuniti kelompok' kawal, putuskan](#)

rantaian jangkitan

- 36,000 tidak ambil imunisasi campak tahun lalu
- Kesan sampingan bukan indikator mutlak vaksin tak selamat

"Melalui pengambilan suntikan vaksin, kita turut melindungi orang sekeliling yang mungkin tidak boleh menerimanya kerana berada dalam kelompok berisiko, seperti individu dengan sistem ketahanan lemah.

"Ada pihak menyuarakan takut mati akibat suntikan vaksin (COVID-19), tetapi kes sedemikian adalah terpencil dan tidak wajar digunakan sebagai alasan.

"Kadar kematian akibat denggi dan penyakit tidak berjangkit adalah lebih tinggi berbanding disebabkan daripada suntikan vaksin. Justeru, masyarakat perlu membuat penilaian dengan bijak," katanya kepada BH, hari ini.

Beliau mengulas kelompok masyarakat yang tidak pasti mengenai vaksin dengan kumpulan itu mewakili 17 peratus daripada keseluruhan responden kajian kadar penerimaan vaksin COVID-19 di negara ini.

Antara keraguan atau persoalan membelenggu kelompok berkenaan adalah mengenai kesan sampingan, keselamatan dan keberkesanannya vaksin COVID-19.

Dalam pada itu, Amrahi berkata, masyarakat perlu merujuk kepada sumber sahih bagi mengelak daripada tertipu dengan dakyah diketengahkan kelompok antivaksin yang dikhuatir berpandukan maklumat tidak tepat.

"Kita perlu hadapi perkara ini secara bersama bagi mengelak ia terus melarap. Setakat ini pun sudah hampir setahun kita berdepan dengan COVID-19. Tiada gunanya kerajaan sediakan pelan, tetapi rakyat enggan beri kerjasama.

"Lebih membimbangkan apabila Malaysia kini dikategorikan sebagai antara negara terburuk dari segi kesan jangkitan, sejak Disember tahun lalu," katanya.

Sementara itu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, menjelaskan KKM dijadual mengadakan sesi libat urus berkaitan vaksin COVID-19, minggu depan.

Mengulas isu berkenaan, kakitangan awam, Raja Nurasyrul Raja Ali, 27, mengakui bimbang untuk mendapatkan suntikan vaksin COVID-19, selain belum memuktamadkan keputusan sama ada akan menyertai program

TRENDING



NASIONAL 12 jam yang lepas

Keluarga pengantin remaja tertekan anak didakwa bercerai



NASIONAL 12 jam yang lepas

Pembeli tekad bina sendiri rumah terbengkalai



NASIONAL Feb 7, 2021 @ 9:01pm

Tujuh pekerja J&T Perak baling barang mohon maaf



NASIONAL Feb 7, 2021 @ 6:28pm

3,731 jangkitan baharu, 15 kematian akibat COVID-19 hari ini



LAIN-LAIN (HJUNG MINGGU)

Feb 7, 2021 @ 11:01am

Kebumikan mayat disimpan hampir 40 tahun

imunisasi kebangsaan atau tidak.

"Saya khuatir kerana banyak kes kematian dan kesan sampingan berkaitan vaksin COVID-19 yang dilaporkan, selain mempunyai tempoh beberapa beberapa minggu untuk berfikir mengenai suntikan ini," katanya.

Pesara, Ruzlina Husin, 61, pula menyuarakan kesediaan untuk menyertai program imunisasi kebangsaan, sekali gus mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

"Saya dah berusia dan berisiko tinggi untuk mendapat jangkitan (COVID-19). Pada masa sama, sudah jelak terperap bagi tempoh panjang di dalam rumah," katanya.

Pandangan sama turut diketengahkan kakitangan awam, Chong Szee Cshieng, 36, yang menjelaskan tiada alasan untuk tidak mengambil suntikan vaksin COVID-19.

"Ini adalah peranan kita sebagai masyarakat yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap persekitaran, selain mengelak daripada penularan pandemik ini menjadi semakin teruk," katanya.

Usahawan, Puvaniten M Helan Govan, 36, pula menyifatkan suntikan vaksin adalah penyelesaian bagi mencegah penularan pandemik COVID-19.

Saya sudah tentu akan mengambil vaksin. Apa yang penting ialah maklumat jelas mengenai program imunisasi yang perlu ditekankan dari semasa ke semasa. Ini penting bagi rakyat untuk tampil menerima vaksin dan program imunisasi ini," katanya.

BERITA BERKAITAN



[NASIONAL](#) Feb 6, 2021 @ 3:11pm

Vaksin: Keyakinan 67 peratus tidak mencukupi



[RENCANA](#) Mei 27, 2017 @ 7:21am

Beri kesedaran keperluan, faedah vaksin




[NASIONAL](#) Dis 5, 2020 @ 3:02pm

Ahli farmasi sedia bantu program vaksinasi COVID-19



[NASIONAL](#) Apr 24, 2020 @ 10:42am

PKP: Patuhi jadual imunisasi anak



Limited Time Offer - Bloomberg.com For Just \$1.99
[Bloomberg.com](#)

Japan startups use high tech to fix myopia and crooked teeth
[Nikkei Asia](#)

The 6 Top Interior Design Trends for 2021
[Mansion Global](#)

How to Reduce Your Electric Bill by Up to 90%
[ElectroSave™](#)



Can the poor in Malaysia cope with the challenges pose...
[CNA Insider](#)

Myanmar coup latest: Police fire rubber bullets to disperse...
[Nikkei Asia](#)

How Much Money Do You Really Get from a Reverse Mortgage?
[Reverse Mortgage | Se...](#)

Getting a job in the UK may be easier than you think
[Jobs in UK | Sponsored...](#)



IKUTI KAMI DI:



BERITA
[BHPLUS](#)
[Nasional](#)
[Kes](#)
[Politik](#)
[Pendidikan](#)
[Wilayah](#)

SUKAN
[DUNIA](#)
[HIBURAN](#)
[BISNES](#)
[RENCANA](#)
[WANITA](#)
[HUJUNG MINGGU](#)

MULTIMEDIA
[Foto](#)
[BHTV](#)
[Infografik](#)

LANGGAN
[Akhbar Digital](#)
[Akhbar BH](#)

PERKHIDMATAN
[Iklan Web](#)
[1Klassifieds](#)
[NSTP KLICK](#)